

# Klasifikasi Sumber Sejarah: Signifikannya dalam Falsafah Sejarah

**BITARA**

Volume 7, Issue 3, 2024: 125-137  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 30 June 2024  
Accepted: 30 July 2024  
Published: 23 August 2024

## [*Classification of Historical Sources: Its Significance in the Philosophy of History*]

Mohammad Umair Abd Rahim<sup>1</sup> & Mohd Syahmir Alias<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
E-mail: [umair@um.edu.my](mailto:umair@um.edu.my); [syahmir@usm.my](mailto:syahmir@usm.my)

\*Corresponding Author: [syahmir@usm.my](mailto:syahmir@usm.my)

### Abstrak

Makalah ini membahas satu aspek dalam falsafah sejarah iaitu konsep dan pengelasan sumber dalam ilmu sejarah. Hal ini kerana, sumber sejarah dapat mewujudkan kembali gambaran sejarah atau pengetahuan tentang masa lalu yang tertentu. Malah, dari aspek klasifikasi sumber sejarah pula, ia memainkan peranan penting dalam menilai kebenaran sejarah dan menapis maklumat yang sah daripada yang tidak sah. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan mengenal pasti klasifikasi sumber dalam ilmu sejarah, seterusnya meneliti kepentingan pengelasan sumber tersebut terhadap ketepatan dan integriti penulisan sejarah. Bagi mencapai tujuan tersebut, penulisan makalah ini diasaskan kepada kajian kualitatif yang mengumpulkan data kepustakaan dan menganalisis data melalui analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman yang mendalam terhadap klasifikasi sumber dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan ketepatan penulisan sejarah, walaupun cabaran dalam menangani mitos dan interpretasi yang berlebihan tetap wujud. Penggunaan pelbagai jenis sumber sejarah (seperti sumber lisan, tulisan dan sumber berbentuk) serta pemahaman terhadap sifat-sifatnya (seperti primer, sekunder dan ketiga) sangat mustahak dalam menyediakan gambaran yang lebih komprehensif dalam penyelidikan sejarah.

**Kata kunci:** Sumber, sejarah, klasifikasi kesahihan, epistemologi, falsafah

### Abstract

This article discusses a facet of the philosophy of history concerning the concept and classification of sources in the knowledge of history. This is because historical sources can re-enact the depiction of history or knowledge of specific past events. Furthermore, from the perspective of classifying historical sources, it plays a crucial role in assessing historical accuracy and filtering valid information from invalid ones. Therefore, this article aims to identify the classification of sources in the field of history, thereby examining the significance of source classification on the accuracy and integrity of historical writing. To achieve this objective, the article is based on a qualitative study that gathers library-based data and analyzes it with content analysis. The findings indicate that a profound understanding of source classification can enhance the credibility and accuracy of historical writing, despite challenges in dealing with myths and excessive interpretations. The use of various types of historical sources (such as oral sources, written sources, and material sources) and understanding their nature (such as primary, secondary, and tertiary) are crucial in providing a more comprehensive depiction in historical research.

**Keywords:** Historical, sources, classification, authenticity, epistemology, philosophy.

**Cite This Article:**

Mohammad Umair Abd Rahim & Mohd Syahmir Alias. (2024). Klasifikasi Sumber Sejarah: Signifikannya dalam Falsafah Sejarah [Classification of Historical Sources: Its Significance in the Philosophy of History]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 125-137.

## Pengenalan

“Ilmu sejarah” ialah suatu istilah yang berbeza dengan “sejarah” yang masing-masing berkehendak kepada pentakrifan. Pentakrifan amat penting dalam ilmu falsafah khususnya dalam falsafah sejarah. Hal ini bagi membolehkan gambaran umum tentang lingkungan perbincangan, peranan, keperluan dan kepentingan sesuatu hal itu mudah untuk difahami. Dalam hal pendefinisian sejarah, pendekatan sebahagian golongan *foundationalist* yang ‘merumitkan’ pemahaman tentang sejarah kerana berlebih-lebihan dalam mendefinisikan sesuatu adalah hal yang tidak patut diberikan keutamaan (*implausible*) dalam artikel ini. Justeru, definisi sejarah sebagai “peristiwa lampau yang benar-benar berlaku” merupakan definisi yang mudah, komprehensif dan mempunyai batasan yang tepat untuk mempersembahkan makna sejarah (Collingwood, 1966). Seterusnya, ilmu sejarah pula merujuk kepada pengetahuan tentang konsep, teori, falsafah, tatacara dan kaedah dalam melakukan penyelidikan sejarah. Sumber pula boleh didefinisikan sebagai bahan rujukan dalam pelbagai bentuk yang boleh menjadi punca kepada lahirnya suatu pemikiran dan penulisan (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016). Namun, dalam konteks ilmu sejarah, “sumber sejarah” merupakan persaksian (testimoni) manusia tentang sesuatu peristiwa lampau atau objek yang dapat memberi maklumat tentang peristiwa lampau (Fumerton, 2006; Marwick, 1989).

Falsafah sejarah pula ditakrifkan sebagai pemeriksaan atau kajian kefalsafahan dan penteroran tentang masa lampau secara substansial atau spekulatif merangkumi isu-isu kemungkinan (*contingency*) dan kewajipan (*necessary*) dalam disiplin sejarah. Perbahasan falsafah sejarah dapat dilihat dari aspek metafizik (ontologi), epistemologi dan etika (Tucker, 2009). Ontologi ialah kajian tentang asas kepada segala sesuatu yang wujud, manakala epistemologi ialah kajian tentang sifat ilmu dan cara menjustifikasikan ilmu yang diperolehi. Etika pula ialah kajian mengenai cara seseorang sepatutnya bertindak secara umum. Dari aspek ontologi dan epistemologi, kepercayaan terhadap sesuatu boleh terhasil daripada dua faktor iaitu (1) pemerolehan (*transmitted/acquired*) dan (2) kepercayaan asali (*original belief*) (Ahmad Sunawari Long, 2016; Lehrer, 2006; Lacey, 1996). Jika dilakukan analisis konseptual terhadap kepercayaan asali, dapat disimpulkan empat sifat utamanya iaitu universal, tabii, tidak perlu diajarkan dan kepercayaan yang mendasar (*foundational belief*). Malah, kepercayaan terhadap kewujudan peristiwa-peristiwa lampau memenuhi kriteria tersebut (Kim, 1988). Dalam hal ini, kepercayaan tentang wujudnya kejadian (dan keadaan) masa lampau sebagai suatu realiti (*state of affairs*) ialah sejenis ilmu pengetahuan yang telah dimiliki oleh manusia secara tabii (Nietzsche, 2005). Setelah seseorang mempercayai perkara asas tersebut, barulah kajian sejarah dapat dilakukan bagi mengetahui sesuatu peristiwa lampau secara khusus. Walau bagaimanapun, peristiwa lampau tidak dapat diulangi semula. Oleh itu, dua daripada empat cara pemerolehan pengetahuan – menurut epistemologi – tidak akan berfungsi untuk memberi maklumat tentang sesebuah peristiwa lampau iaitu induksi dan pemerhatian (Collingwood & Debbins, 1965). Sebaliknya, pemerolehan pengetahuan tentang sejarah hanya boleh melalui

dua cara yang lain iaitu berdasarkan memori (penyaksian sendiri) dan persaksian manusia lain (Fumerton, 2006; Coady, 1973). Dalam erti kata lain, persaksian atau testimoni manusia merupakan sumber sejarah. Tanpa sumber sejarah pula, gambaran semula sejarah atau pengetahuan tentang masa lalu yang tertentu tidak dapat diwujudkan (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016).

Dalam hal ini, kedua-dua cara pemerolehan peristiwa sejarah tersebut saling memerlukan antara satu sama lain. Contohnya, kisah tentang Sultan Mahmud Syah dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Kisah ini diketahui oleh Tome Pires melalui saksi-saksi yang beliau dapati, iaitu penduduk Melaka yang telah menyaksikan pemerintahan Sultan Mahmud Syah di Melaka. Beliau telah menyampaikan hasil kompilasi maklumat yang diperolehi tersebut dalam bukunya, *The Suma Oriental* (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008). Melalui karangan Tome Pires tentang perihal tersebut, generasi seterusnya boleh mengetahui tentang Sultan Mahmud Syah tanpa menyaksikan baginda. Daripada contoh ini, dapat difahami bahawa Tome Pires telah menjadi saksi terhadap kebenaran maklumatnya (bukunya), sekali gus menjustifikasikan persaksian orang lain (penduduk Melaka). Oleh itu, kedua-dua cara pemerolehan pengetahuan tentang sesuatu peristiwa lampau akan berpusar pada satu ejen utama iaitu manusia yang mempunyai tujuan dalam setiap tindakan: sifat “negatif” seperti lupa, tidak jujur, kelemahan menulis, tidak fasih, terkeliru, nyanyuk; dan sifat positif seperti ingatan yang kukuh, penjagaan tulisan, berkredibiliti, jujur, adil, dan tegas (Collingwood & Debbins, 1965; Nietzsche, 2005; Collingwood, 1966).

Sejarawan merupakan golongan yang bertanggungjawab untuk menilai, menentukan, memilih serta memberi justifikasi tertentu tentang maklumat yang diperolehi daripada sesuatu sumber atau saksi (Carr, 1984; Fumerton, 2006). Setelah memahami betapa signifikannya testimoni dalam kehidupan – khususnya dalam ilmu sejarah, persoalan yang sering ditimbulkan ialah (1) kebolehpercayaan saksi dan (2) laporan yang dibawa oleh saksi. Hal ini kerana testimoni merupakan satu-satunya sumber pengetahuan yang berasaskan sosial (Kush & Lipton, 2002). Hanya beralaskan perkara tersebut, golongan yang mendukung pemikiran bahawa pengetahuan yang pasti hanya perlu bersumberkan pengalaman dan pemerhatian sendiri semata-mata yang tanpa sedar, telah menolak keabsahan testimoni sebagai sumber pengetahuan. Antara ahli falsafah yang mempopularkan pemikiran sebegini ialah John Locke dan Rene Descartes. Hakikatnya, idea tersebut bakal membawa kepada falasi logis atau kesalahan berfikir. Hanya kerana wujudnya risiko dalam penggunaan testimoni sebagai medium atau sumber ilmu sama sekali tidak menggugat reputasinya (Coady, 1973). Perkara yang perlu dilakukan ialah mengatasi faktor yang menyebabkan testimoni boleh mengundang kepada pengetahuan dusta atau tidak benar. Oleh sebab itu, ilmu sejarah menetapkan bahawa penerimaan testimoni sebagai benar perlu melalui pelbagai ‘ujian kredibiliti’ terlebih dahulu (Collingwood, 1966). Bahkan, penggunaan bahasa dalam kalangan manusia itu sendiri membuktikan kebergantungan kuat manusia untuk mempercayai testimoni orang lain sebagai pengetahuan yang sah (Fricker, 2006).

Dengan memahami tabii mekanisme terbitnya sesuatu maklumat sejarah, maka tidak diragui lagi bahawa terdapat tahap kredibiliti dan ketepatan (*veracity*) individu yang bertanggungjawab membawa maklumat atau menjadi saksi sesebuah peristiwa (Collingwood & Debbins, 1965; Audi, 2006). Justeru, makalah ini menetapkan objektifnya iaitu untuk

mengenal pasti klasifikasi sumber dalam ilmu sejarah, seterusnya menaakul kepentingan pengelasan sumber tersebut terhadap ketepatan dan integriti penulisan sejarah. Bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut, makalah ini didasarkan kepada kajian kualitatif yang mengumpulkan data kepustakaan dan menganalisis data melalui analisis kandungan (Krippendorff, 2019).

## Klasifikasi Sumber Sejarah

Ilmu Sejarah bertujuan untuk mencari kebenaran tentang peristiwa lampau dalam keadaan tidak dapat melihat ataupun terlibat dalam peristiwa tersebut. Justeru, satu-satunya medium untuk mengetahui maklumat tentang peristiwa lampau adalah melalui memori atau testimoni orang lain (Collingwood, 1966). Berdasarkan aliran sejarah yang popular, sumber boleh dibahagikan kepada dua sifat iaitu primer dan sekunder (Barton, 2005). Penamaan tersebut sendiri menyimpan makna yang tertentu. Dari sudut bentuk pula, sumber sejarah boleh dibahagikan kepada tiga sumber iaitu sumber dalam bentuk tulisan, lisan, dan berbentuk atau artifak. Dalam erti kata lain, 'sifat' sesebuah sumber sama ada primer atau sekunder boleh didapati dalam pelbagai 'bentuk' sumber. Terdapat juga klasifikasi sumber yang lebih khusus mengikut masyarakat seperti 'sumber China', 'sumber Islam', dan 'sumber Arab'. Namun, artikel ini tidak akan menyentuh perbincangan tersebut kerana tumpuan akan diberikan terhadap perkara asas berkenaan klasifikasi sumber.

### *Sumber Primer*

Sumber primer dinamakan sedemikian kerana sumber tersebut merupakan "punca" atau "bahan mentah" sesebuah peristiwa atau perkara pada masa lampau yang boleh diketahui pada masa kini (Morgan & Rasinski, 2012). Dalam kata lain, jika tiada sumber tersebut selaku pencetus kepada pengetahuan tentang perkara tertentu di masa lampau, maka perkara tersebut tidak akan tersemat di dalam dada (ingatan) atau lembaran tulisan (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016). Label 'primer' yang diberikan memberi implikasi bahawa "untuk peristiwa yang dikaji ini, sumber ini merupakan asas kajian, perkara yang paling hampir dengan zaman kajian atau punca kepada diketahui akan kewujudan sesebuah subjek kajian tersebut (peristiwa, tokoh, tempat, dan sebagainya)" (Marius & Page, 2015). Sumber primer tidak "memanifestasikan dirinya" pada bentuk sumber tertentu. Sebaliknya, setiap bentuk sumber tersebut boleh berubah status 'primer', bergantung kepada subjek sumber tersebut digunakan sebagai bukti.

Elemen dalaman atau indikator dalam menentukan sumber tersebut primer atau sebaliknya ialah manusia (saksi), tempat dan masa (Collingwood, 1966). Contohnya, pengetahuan 'primer' tentang Perang Peloponesia berasal daripada buku sejarawan Yunani, Thucydides yang bertajuk *History of the Peloponnesian War*. Walau bagaimanapun, pengetahuan tentang Perang Trojan berdasarkan buku ini akan menjadikan ia sebagai sumber sekunder bagi peristiwa tersebut. Hal ini kerana, manusia (saksi) yang menjadi sumber tentang peristiwa Perang Trojan ialah Homer, manakala tempat bagi saksi-saksi peristiwa itu (jika benar keberadaannya) adalah di Troy, sedangkan Thucydides berada dalam status 'dibuang negeri

daripada Athens' sewaktu beliau menulis berkaitan Perang Peloponesia dan masa sumber peristiwa tersebut dengan kehidupan Thucydides juga sangat jauh dan 'terputus' daripada saksi-saksinya (Thucydides, 1954). Terdapat juga sebilangan sarjana yang menamakan sumber primer sebagai sumber asli sejarah (*original historical sources*) bertujuan untuk mencerahkan beberapa salah faham terhadap kejumudan dalam mengguna serta memahami sumber primer dengan sumber sekunder (Barton, 2005). Namun, hal ini tidak bermakna dengan beroleh status 'sumber primer' sahaja, sumber tersebut telah mendapat status sebagai sumber yang sah tentang tertentu (Collingwood, 1966).

### ***Sumber Sekunder***

Sumber sekunder atau sumber kedua adalah sumber yang terhasil daripada interpretasi seseorang terhadap sumber pertama (primer); tidak menjadi saksi langsung dan sekali gus membezakannya dengan sumber primer (Morgan & Rasinski, 2012). Dalam erti kata lain, sumber sekunder merupakan individu atau pihak yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat tentang sumber primer (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016). Dengan memahami hal tersebut, ini bererti bahawa sumber sekunder sentiasa boleh diwujudkan tanpa batasan zaman manakala, 'tarikh kewujudan' sumber primer pula khusus dan tetap pada waktu tertentu sahaja, iaitu waktu yang paling hampir dengan sesebuah masa lampau yang dikaji (Morgan & Rasinski, 2012).

Sumber sekunder juga tidak terlepas daripada dikritik kesahihannya. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan ketepatan sumber sekunder dalam menggambarkan sesebuah peristiwa sejarah adalah lebih sah daripada sumber primer atas pelbagai faktor. Antaranya, jika saksi sumber sekunder merupakan sejarawan yang jujur, berkredibiliti, dan melalui metode yang lurus dalam mentafsir sesuatu data, maka testimoni sejarawan tersebut (kajiannya) adalah patut diterima. Misalnya, sejarawan yang melalui metode pentafsiran yang benar tersebut adalah melakukan kritikan dalaman dan kritikan luaran; melakukan pengumpulan saksi (sumber); dan lazim mengaplikasikan undang-undang logik secara benar. Manakala, sumber primer pula ialah manusia yang zamannya sangat jauh daripada zaman kini yang sekali gus mempunyai sistem nilai, konsep dan penggunaan istilah (bahasa) yang berbeza dengan zaman kini. Bahkan, kedudukan dan situasinya sebagai saksi atau peserta sesuatu peristiwa cenderung untuk menyampaikan maklumat yang menyebelahi sesuatu pihak. Hal ini memerlukan kepada proses yang dipanggil pentahkikan sumber (*source corroboration*) atau semak silang (*cross examination*) dalam ilmu sejarah (Collingwood, 1966).

### ***Sumber Bertulis***

Bentuk sumber ini bukan membawa erti bahawa sumber tersebut terdiri daripada sumber yang mempunyai penulisan sahaja, tetapi sumber tulisan membawa erti sumber yang catatannya disebarkan dalam keadaan telah direkodkan. Contohnya, artikel akhbar, surat, diari, transkrip temu bual, dokumen, puisi, lirik lagu, gambar, makalah, peta, video, pita rakaman, dan teks yang dicetak (buku, tesis, esei, dan artikel) (Morgan & Rasinski, 2012). Hal ini kerana, sumber tersebut didapati dalam keadaan telah direkodkan (penulisan, rakaman suara, dan rakaman

layar) oleh saksi utama/primer sesuatu peristiwa lampau mahupun saksi sekunder. Setiap bentuk bahan bertulis pula membawa sifat yang berbeza bergantung kepada punca sumber tersebut wujud; tujuan autoriti sumber tersebut; dimanakah sumber tersebut dihasilkan; dan siapakah yang terlibat dalam penghasilan sumber. Contohnya, kemungkinan untuk maklumat biografi daripada sumber surat menyurat antara seorang tokoh dengan keluarganya lebih diutamakan untuk diterima berbanding artikel akhbar.

### ***Sumber Lisan***

Sumber lisan (*unwritten sources*) merujuk kepada pemerolehan maklumat peristiwa lampau dengan cara lisan daripada manusia yang masih hidup pada zaman suatu kajian dilakukan; dan pernah menyaksikan atau terlibat dalam sesuatu peristiwa lampau yang menjadi subjek kajian tersebut. Melalui definisi ini, dapat difahami bahawa sumber lisan umumnya ialah sumber primer. Dari sudut potensi kesahihan maklumat, sumber lisan tiada beza dengan tulisan kerana kedua-duanya berasal daripada testimoni/manusia sebagai autoriti (Nisar Ahmad Faruqi, 2009). Hal yang perlu dititikberatkan ialah kredibiliti manusia (saksi) tersebut dan penjagaan hafalan atau tulisannya (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016). Namun, satu aspek yang menyebabkan sumber tulisan lebih diutamakan ialah sumber tulisan bersifat kekal. Sekiranya sumber lisan ingin menandingi kelebihan sumber tulisan dari sudut ini, maka sumber lisan tersebut perlu melalui kaedah ilmu periwayatan seperti dalam tradisi Islam, iaitu '*Ulum al-Hadith* (Ilmu Periwayatan Hadis) yang turut melibatkan '*Ilm al-Rijal* (Ilmu Perawi Hadis) dan '*Tarikh al-Ruwat* (Biografi Periwayat) (Manna' al-Qatthan, 2015). Berdasarkan pandangan, kaedah ini sah untuk diguna pakai dalam ilmu sejarah aliran perdana kerana tiada perbezaan antara metode pensejarahan Islam dan Barat dari sudut kedua-duanya merupakan kajian tentang testimoni manusia yang majoritinya telah meninggal dunia (Fischel, 1961).

### ***Sumber Berbentuk***

Sumber berbentuk atau objek turut dikenali sebagai sumber bukan bertulis dalam bentuk objek seperti bahan arkeologi, artifak, atau spesimen (mineral, tanah) (Collingwood, 1966). Antara contoh sumber berbentuk ialah duit (*coin*), peninggalan-peninggalan antik, piramid, makam (*tomb*) dan senjata-senjata purba (Fischel, 1961). Objek secara asalnya bukanlah sumber yang menceritakan peristiwa yang benar-benar berlaku; sebaliknya hanya menunjukkan wujudnya sebab-akibat dari sudut ruang-masa (*spatio-temporal*). Terdapat perdebatan berkenaan hal ini, antaranya tentang isu sejarah alam tabii (*natural history*) yang berkongsi bidang dengan sains dalam menjelaskan fenomena lampau seperti letusan gunung berapi dan teori evolusi Darwin (Cleland, 2009). Oleh hal yang demikian, wujudnya istilah 'prasejarah' yang secara ringkasnya merujuk kepada peristiwa masa lampau bersumberkan objek tidak bertulis sahaja (Ishak Saat, 2010). Walau bagaimanapun, sumber berbentuk mempunyai tempatnya dalam sejarah. Kadangkala sumber berbentuk boleh bersalingan dengan sumber tulisan. Misalnya, Batu Bersurat Terengganu terdiri daripada dua bentuk sumber iaitu tulisan dan objek. Pentarikhan *radiocarbon* atau *thermoluminescence* terhadap objek tersebut mampu menyokong kebenaran inskripsinya (Fagan, 2006).

Objek dapat dijadikan sebagai sumber sejarah primer dalam erti kata ia mampu menunjukkan wujudnya penyebab dan memberi sedikit maklumat kebenaran pasti (*necessary truth*) sahaja, penciptaan (*creativity*) dan berlakunya kejadian (*event happened*). Hakikatnya, pengetahuan sejarah yang terbina hasil daripada penyaksian bahan berbentuk semata-mata tidak akan dapat memberikan pengetahuan tentang sesuatu hakikat peristiwa yang berlaku. Tahap terbaik yang boleh dicapai hanyalah pengetahuan yang berdiri dengan interpretasi yang menjadi subjek kepada imaginasi liar seseorang individu (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2016). Hal ini kerana, sumber daripada bahan berbentuk tidak mempunyai sebarang “tujuan”, “buta” dan tidak mempunyai kehendak. Manakala, sumber daripada penulisan atau perkhabaran daripada manusia membawa elemen yang sebaliknya yang boleh mengikat perbincangan sesuatu peristiwa lampau ke arah yang lebih objektif. Justeru, sumber berbentuk hanya mampu menjadi sumber primer bagi sesuatu gambaran sejarah dalam skop yang sangat terbatas (Kosso, 2006).

Pertimbangkan contoh berikut. Pada tahun 1995, sebuah patung Buddha setinggi 30 kaki telah dibina di Kampung Senawar, Perak bagi tujuan pembikinan filem “*Beyond Rangoon*”. Disebabkan masalah teknikal, patung Buddha untuk filem tersebut tidak dapat dilupuskan dan pada tahun 2017, patung tersebut ditemui semula dalam keadaan terbiar (FMT Reporters & Choong, 2017). Persoalannya, sekiranya fahaman “sumber berbentuk merupakan bukti paling utama dalam ilmu sejarah” dianuti oleh seseorang sejarawan, maka apakah sumber patung Buddha tersebut mampu menyediakan kesedaran sejarah terhadap sejarawan tersebut? Tanggapan bahawa “sebuah tamadun purba telah wujud di Perak” ataupun “Kampung Senawar berperanan sebagai pusat peradaban Buddha di Perak” telah ‘mula mendapat tempat’ dalam ‘keyakinan sejarah’ sejarawan tersebut. Apa pun kesedaran yang mungkin muncul, suatu hal yang dipersetujui semua ialah pengetahuan yang dibawa sumber tersebut terdedah kepada ‘tafsiran liar’ seperti yang telah dijelaskan. Walhal, hakikat – berdasarkan testimoni lisan/tulisan – sejarah patung Buddha tersebut adalah berlainan sama sekali. Ini menunjukkan bahawa cerapan empirikal terhadap bentuk objek semata-mata hanya mampu memberi nilai justifikasi sesebuah penceritaan sejarah yang sangat lemah, kerana ianya tidak mempunyai ‘tujuan’ dan ‘minda’. Untuk mengetahui tujuan sesuatu perkara, ia perlu diterjemahkan oleh lisan atau tulisan manusia, bukannya menjadi tinggalan ‘kosong’. Selain itu, hal ini turut membuktikan kelemahan empirisme dalam menentukan kebenaran dalam falsafah sejarah.

## Signifikan Klasifikasi Sumber dalam Falsafah Sejarah

### ***Asas Saringan Maklumat Sahih dan Tidak Sahih dalam Sumber Sejarah***

Sejarah merupakan suatu kebenaran dan ilmu sejarah pula berusaha untuk melakukan kajian objektif dalam menggambarkan realiti sebenar sesuatu masa lampau (*the reality of the past event*). Justeru, hal ini merupakan suatu yang *a priori* atau *necessarily true* untuk ilmu sejarah terdiri daripada metode penapisan kisah yang tidak benar agar tidak berlaku penyelewengan (*misrepresentation*) tentang sesuatu sejarah (Collingwood, 1966). Semua penilaian sesuatu sejarah pasti melibatkan manusia dan sudut-sudut pandangannya yang menyebabkan seseorang

autoriti tidak boleh ‘kebal’ daripada kekeliruan, kecenderungan peribadi (*bias*) dan terlupa sekali gus boleh menyebabkan testimoni autoriti tersebut tercemar dengan maklumat tidak sah (Carr, 1984). Hanya dengan status sumber primer semata-mata tidak menjamin kesahihan sesebuah sumber kerana sumber primer turut berpotensi dipalsukan (Marius & Page, 2015). Justeru, kritikan dalaman dan luaran terhadap setiap sumber perlu dilakukan.

Dalam hal ini, klasifikasi sumber memainkan peranan melalui dua aspek iaitu pertama, sumber yang telah diklasifikasikan itu sendiri menjadi antara kayu ukur untuk menyaring maklumat yang tidak sah dalam sumber atau penulisan sejarah; dan kedua, proses mengklasifikasi sumber itu sendiri akan menemukan kisah yang tidak sah dalam sumber tersebut. Contohnya, kisah tidak sah tentang kerajaan-kerajaan di Sumeria daripada sebuah sumber inskripsi rasmi Sumeria yang telah wujud sekitar tiga alaf sebelum Masihi. Antara alasannya ialah hasil daripada klasifikasi sumber tersebut yang mendapati bahawa ‘kisah-kisah kerajaan’ daripada sumber tersebut melibatkan tindak tanduk dewa-dewi yang kelihatan bercanggah dengan skop kajian sejarah dan autoriti yang tidak diketahui. Walau bagaimanapun, sumber tersebut masih boleh digunakan sebagai sumber primer bagi proses mentafsir aspek lain dalam sejarah. Contoh yang lainnya dapat dilihat apabila Collingwood (1966) mengklasifikasikan *Poem on the Creation* iaitu sumber tentang Babylon sebagai mitos atau separa sejarah (*quasi-history*).

Fiksyen dan mitos wujud dalam sumber sejarah adalah disebabkan sifat semula jadi manusia, iaitu mengguna pakai sejarah untuk tindakan hariannya. Mitos terdiri daripada dua sifat utama iaitu pertama, cerita berasaskan legenda; dan kedua, ceritanya membawa pengertian yang simbolik (Ahmat Adam, 2016). Justeru, kepentingan sejarah dalam mempengaruhi tindak-tanduk manusia telah menyebabkan wujudnya golongan yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengubah maklumat sejarah (Nietzsche, 2005). Dari satu sudut, keadaan ini telah menjadi cabaran dalam perkembangan ilmu sejarah. Oleh itu, proses pengklasifikasian sumber akan melibatkan usaha mencari biografi asas autoriti sumber; di mana sumber tersebut diwujudkan; dan bila sumber tersebut dihasilkan. Proses ini secara tidak langsung akan menyingkap unsur-unsur mitos dalam penulisan sejarah. Hal ini kerana, penulisan mitos dalam karya sejarah amat berpunca daripada anutan fahaman “menipu untuk tujuan baik”. Oleh sebab itu, hanya sebahagian mitos diletakkan di bawah kategori kisah palsu kerana telah terbukti kepalsuannya. Manakala, fiksyen pula merupakan hasil rekaan minda (*fabrication*) semata-mata. Bagaimana hal tersebut dapat dikesan tentunya melalui proses klasifikasi sumber yang akan melibatkan kajian terhadap peribadi autoriti sesebuah peristiwa seperti mengkaji tujuan penulisan, kredibiliti dan peribadinya. Kesan daripada kesukaran memisahkan maklumat mitos dan maklumat sejarah menyebabkan sejarawan sukar untuk mengesan sama ada sumber yang digunakannya menceritakan peristiwa lampau sebagaimana yang sebenarnya berlaku (*wie es eigentlich gewesen*) atau sebaliknya (Griffiths, 2011). Ini merupakan perbincangan dalam ilmu sejarah yang menyebabkan proses klasifikasi sumber menjadi penting.

### ***Justifikasi Kebolehpercayaan Sesuatu Sumber Sejarah***

Perkara yang perlu difahami bahawa dalam makalah ini, “testimoni” yang dimaksudkan bukan sekadar laporan-laporan formal, tetapi ia merupakan setiap maklumat (dalam pelbagai ‘bentuk’)



yang disampaikan seseorang kepada orang lain. Dalam kata lain, ia berasaskan semua perkara yang pernah seseorang individu (autoriti) sampaikan kepada individu yang lain merupakan testimoni (Audi, 2006). Walau bagaimanapun, secara logiknya, setiap testimoni tidak boleh diterima 'membabi buta'. Justeru, menjadi suatu keperluan untuk mengetahui kekuatan memori, penjagaan tulisan, keperibadian serta sifat amanah (*trustworthiness*) seseorang autoriti testimoni berkenaan. Cara untuk mengetahui hal tersebut adalah melalui testimoni oleh autoriti berkredibiliti yang hidup sezaman dengannya, konsistensi maklumat-maklumat dengan autoriti yang lain atau testimoni autoriti lain tentang peribadi atau biografinya (Collingwood, 1966). Hal ini kerana, testimoni bukan sahaja bertindak sebagai sumber pengetahuan, malah sebagai justifikasi terhadap sesuatu perkara (Audi, 2006). Di samping itu, sejarah perlu dilihat berdasarkan kaca mata pelakunya tanpa memaksa (*superimpose*) perspektif zaman moden dalam memahami keadaan peristiwa lampau (Collingwood, 1966).

Justeru, klasifikasi sumber adalah penting dalam mengetahui testimoni (sumber) yang layak untuk dijadikan hujahan ke atas sesuatu sumber (manusia) bagi menguji kebolehpercayaan sumber tersebut. Contohnya, sekiranya dalam menilai tarikh lahir seseorang tokoh, persaksian daripada bapa tokoh tersebut (misalnya daripada *Statutory Declaration*) lebih wajar diambil kira berbanding sumber lain. Bagi sumber lain seperti penulis akhbar yang menulis tentang tokoh tersebut pada zaman beliau masih hidup, kredibilitinya boleh dinilai dari sudut perbandingan teks (maklumat) dengan autoriti bapanya. Sekiranya sama, "kemungkinan" sumber akhbar tersebut mempunyai kredibiliti tinggi adalah terbukti. Dalam hal ini, menjadi satu tanggungjawab untuk ahli sejarah menentukan bagaimana hendak menggunakan fakta; dan menentukan sama ada sesuatu peristiwa itu signifikan atau tidak. Tidak dinafikan bahawa semua peristiwa lampau adalah sejarah. Namun, dalam konteks pensejarahan, tindakan keperluan asasi manusia seperti makan, minum, dan buang air tidak dianggap sejarah (Carr, 1984). Selain testimoni yang 'bernyawa', sumber artifak/berbentuk juga dapat memainkan peranan sebagai alat sokongan untuk menguji keabsahan testimoni seseorang saksi (sumber) (Collingwood, 1966).

### ***Asas Proses Pentafsiran atau Interpretasi Sejarah yang Tepat***

Bagi mendapatkan gambaran semula sejarah, perlu diketahui bahawa ilmu sejarah menetapkan keperluan interpretasi dilakukan terhadap segala teks atau kenyataan daripada testimoni (sumber) yang digunakan. Hal ini kerana, setiap manusia yang menjadi sumber untuk digunakan dalam mendapatkan maklumat sejarah memiliki kepelbagaian ragam. Terdapat autoriti yang kukuh ingatan dan yang lemah ingatan; yang dikenali jujur dan yang sering berdusta. Ringkasnya, menjadi suatu kewajipan bagi pengkaji sejarah untuk melakukan pentafsiran terhadap sumber itu sendiri dan maklumat yang dibawa oleh sumber tersebut. Untuk tujuan ini, klasifikasi sumber sejarah adalah penting kerana keperluan mengetahui 'sifat sumber' memerlukan proses mengkaji tabii sumber tersebut seperti 'siapakah' autoritinya; dan 'dari manakah' sumber tersebut dihasilkan. Secara tidak langsung, klasifikasi sumber mampu memberi asas untuk mengetahui 'minda' di sebalik sesuatu fakta sejarah (Carr, 1984).

Oleh sebab itu, Carr (1984) mengisyaratkan bahawa fakta sejarah perlu berasaskan saksi yang pelbagai untuk mengetahui 'minda' dalam kalangan saksi tersebut. Misalnya, jika hendak

mengetahui tentang sejarah Yunani abad ke-5 S.M., perlu juga mengambil kira penggunaan sumber daripada Sparta, Corinth dan sebagainya. Hal ini kerana, setiap ‘fakta’ daripada sumber Athens pasti telah dihias oleh fikiran pencatat dalam kalangan masyarakat Athens. Dalam pada itu, untuk mengetahui minda saksi dari Athens, Sparta dan Corinth pula, sumber primer tentunya perlu diutamakan sebagai pemberi maklumat; dan wajar juga memahaminya melalui pentafsiran sumber sekunder. Secara tidak langsung, usaha tersebut telah mengaplikasikan klasifikasi sumber sedia ada; dan juga melibatkan proses mengklasifikasi sumber.

Di samping itu, penggunaan konsep atau bahasa adalah berbeza mengikut zaman. Jadi, merupakan suatu keperluan untuk mengetahui apakah sifat, tahap kesahihan dan bentuk sumber yang digunakan bagi menginterpretasi istilah-istilah tertentu. Contohnya, perkataan ‘liberal’ di Eropah pada abad ke-18 membawa maksud yang berbeza sama sekali dengan pemahaman kini kerana istilah tersebut merujuk kepada golongan “peniaga yang ingin mendapatkan tempat atau pengaruh dalam kalangan aristokrat”. Hal ini menunjukkan perubahan sosial yang memerlukan perubahan zaman bukan sahaja mengubah aspek semantik sesuatu bahasa, malah mengubah aspek sintaksis bahasa tersebut (Marius & Page, 2015). Secara tidak langsung, pengetahuan tentang sifat sumber (primer atau sekunder) akan memudahkan usaha untuk menentukan sumber mana yang sepatutnya digunakan dalam memahami istilah ‘liberal’ abad ke-18). Misalnya, untuk mengetahui suatu perkataan Arab klasik, haruslah merujuk kepada sumber kamus pada zaman klasik seperti *Lisan al-‘Arab Ibn Manzur* (az-Zahrani, 2012). Selain itu, dalam hal ini sumber sekunder turut berperanan untuk menyokong pentafsiran terhadap sesuatu istilah – berdasarkan saksi primer lain – kerana sumber sekunder merupakan hasil kajian sekali gus testimoni daripada orang yang berautoriti.

Terdapat ramai pihak yang salah anggap atau mengetepikan keperluan sumber sekunder kerana melihat sumber primer sebagai lebih ‘*superior*’ berbanding sumber sekunder. Hakikatnya tidaklah begitu kerana sumber primer juga terdedah kepada sudut pandang terpencil, berkecenderungan peribadi dan persepsi peribadi tertentu oleh saksi utama itu sendiri. Oleh itu sumber sekunder perlu turut digunakan dalam melakukan interpretasi di samping dapat menyokong interpretasi pengkaji dalam menghubungkan “kekosongan” antara fakta dengan fakta yang lain; mengetahui penggunaan bahasa; dan mengetahui konteks yang lebih luas (Barton, 2005). Hal yang sama berkenaan keperluan sumber primer dalam menginterpretasi konsep sesuatu perkataan yang digunakan pada suatu masa lampau seperti ‘empayar’, ‘demokrasi’, ‘revolusi’, yang mana ianya perlu dilihat mengikut pemahaman pada zaman itu (primer), bukannya pemahaman kasar oleh sumber sekunder (Carr, 1984).

Dalam sumber sekunder misalnya, terdapat beberapa situasi yang mana saksi sumber sekunder tersebut menyatakan perkara buruk terhadap suatu perlakuan pelaku sejarah. Penilaian moral tersebut “tidak wajar diterima begitu sahaja” kerana sifat saksi tersebut selaku sumber sekunder mempunyai nilai-nilai moral yang berbeza dengan nilai-nilai moral pelaku sejarah yang dihukum (Ahmad Sunawari Long, 2016). Akhirnya, dengan mengetahui sifat sumber lisan pula, kesimpulan yang akan ditemukan ialah “penggunaan sumber lisan (secara benar) dalam suatu kajian memberikan pengkaji kemampuan untuk menggambarkan peristiwa lampau dengan lebih holistik”. Hal ini kerana, skop pemerolehan maklumat daripada sumber lisan adalah lebih luas seperti maklumat daripada golongan marginal dan golongan buta huruf; serta mampu menghimpunkan sudut pandang pelbagai pihak yang sekali gus akan menjadi bukti

untuk mengetahui kewujudan *bias* atau kecenderungan peribadi dalam sesebuah naratif sejarah, termasuk naratif daripada sumber lisan itu sendiri.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, sejarah sebagai satu disiplin ilmu yang *a priori* memerlukan kepada dua kaedah yang Collingwood nyatakan sebagai proses pembinaan semula atau *reconstruction*. Proses sejarah bukan sekadar pembinaan (*construction*) kerana pembinaan tidak memerlukan kepada autoriti testimoni; bahkan, boleh dibina dengan ilham. Sedangkan, sejarah itu sendiri muncul daripada testimoni atau sumber daripada manusia yang hidup sebelumnya. Dalam melakukan pembinaan semula sejarah, dua kaedah umum yang perlu digunakan iaitu (1) mencari, memilih dan menjustifikasikan autoriti dan menggunakan sumber; serta (2) melakukan tafsiran yang koheren dan teliti terhadap maklumat yang terdapat dalam sumber-sumber yang dimanfaatkan. Dalam mengupayakan usaha tersebut, klasifikasi sumber penting untuk dilaksanakan kerana sifat dan bentuk sumber adalah berbeza dan perbezaan tersebut memberi implikasi tertentu kepada kredibiliti, ketepatan dan kesahihan maklumat sumber, atau dalam kata lain, kredibiliti sumber itu sendiri. Ringkasnya, penggunaan pelbagai sumber (lisan, tulisan, berbentuk) dan pengetahuan tentang sifat sumber-sumber tersebut (primer, sekunder, ketiga) adalah amat penting dalam memberi gambaran yang lebih holistik dalam melakukan kajian sejarah. Secara tidak langsung, hal ini memerlukan kepada usaha mengklasifikasikan sumber dan usaha tersebut tidak dimonopoli oleh sesetengah pihak sahaja, sebaliknya ditentukan berdasarkan prinsip logik dan keupayaan rasional manusia. Selain itu, klasifikasi sumber itu sendiri juga membolehkan pengkaji menggunakan sumber sesuai pada tempatnya dan membina hujahan asasi – yakni tesis – dengan benar.

## Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Sejarah falsafah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmat Adam. (2016). *Antara sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam historiografi Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Audi, R. (2006). Testimony, credulity, and veracity. In J. Lackey & E. Sosa (Eds.), *The epistemology of testimony* (pp. 25-49). New York, NY: Oxford University Press.
- Barton, K.C. (2005). Primary sources in history: Breaking through the myths. *The Phi Delta Kappan*, 86(10), 745-753.
- Carr, E.H. (1984). *Apakah sejarah?* (Ab. Rahman Haji Ismail, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cleland, C. E. (2009). Philosophical issues in natural history and its historiography. In A. Tucker (Ed.), *A companion to the philosophy of history and historiography* (pp. 44-62). United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Coady, C.A.J. (1973). Testimony and observation. *American Philosophical Quarterly*, 10(2), 149-155.
- Collingwood, R.G. (1966). *The idea of history*. London: Oxford University Press.

- Collingwood, R.G., & Debbins, W. (Eds.). (1965). *Essays in the philosophy of history*. Austin: University of Texas Press.
- Fagan, G. G. (2006). Diagnosing pseudoarchaeology. In G. G. Fagan (Ed.), *Archaeological fantasies: How pseudoarchaeology misrepresents the past and misleads the public* (pp. 23-46). Oxford: Routledge.
- Fischel, W.J. (1961). Ibn Khaldun's use of historical sources. *Studia Islamica*, 14, 109-119.
- FMT Reporters & Charlie Choong. (2017, January 11). Patung Buddha tidur 30 kaki tertanam di Perak. *Free Malaysia Today*. Retrieved from <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/01/11/patung-buddha-tidur-30-kaki-tertanam-di-perak/>
- Fumerton, R. (2006). The epistemic role of testimony: Internalist and externalist perspectives. In J. Lackey & E. Sosa (Eds.), *The epistemology of testimony* (pp. 77-92). New York, NY: Oxford University Press.
- Fricker, E. (2006). Testimony and epistemic autonomy. In J. Lackey & E. Sosa (Eds.), *The epistemology of testimony* (pp. 225-250). New York, NY: Oxford University Press.
- Griffiths, A. (2011). Myth in history. In K. Dowdell & N. Livingstone (Eds.), *A companion to Greek mythology* (pp. 195-207). West Sussex: Blackwell Publishing.
- Ishak Saat. (2010). *Penulisan sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Kim, J. (1988). Naturalized epistemology. *Philosophical Perspectives*, 2, 381-405.
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4<sup>th</sup> ed.). California: SAGE Publications.
- Kush, M., & Lipton, P. (2002). Testimony: A primer. *Studies in History and Philosophy of Science*, 33, 209-217.
- Kosso, P. (2006). Introduction: An epistemology of archaeology. In G. G. Fagan (Ed.), *Archaeological fantasies: How pseudoarchaeology misrepresents the past and misleads the public* (pp. 1-22). Oxford, England: Routledge.
- Lacey, A.R. (1996). *A dictionary of philosophy* (3<sup>rd</sup> ed). London: Routledge.
- Lehrer, K. (2006). Testimony and trustworthiness. In J. Lackey & E. Sosa (Eds.), *The epistemology of testimony* (pp. 145-159). New York, NY: Oxford University Press.
- Marwick, A. (1989). *The nature of history*. London: Macmillan.
- Manna' al-Qatthan. (2015). *Pengantar studi ilmu hadits* (Pustaka al-Kautsar, Trans.). Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- Muhd Yusuf Ibrahim. (1991). *Aspek dan perkembangan falsafah sejarah dunia Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusuf Ibrahim. (2016). *Ilmu sejarah: Falsafah, pengertian, kaedah, dan pensejarahan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morgan, D.N., & Rasinski, T.V. (2012). The power and potential of primary sources. *The Reading Teacher*, 65(8), 584-594.
- Nietzsche, F.W. (2005). *The use and abuse of history*. New York, NY: Cosimo.
- Nisar Ahmad Faruqi. (2009). *Early Muslim historiography: A study of transmitters of Arab history from the rise of Islam up to the end of Umayyad period*. New Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delhi.
- Marius, R., & Page, M.E. (2015). *A short guide to writing about history*. New Jersey: Pearson.

- Tucker, A. (2009). Introduction. In A. Tucker (Ed.), *A companion to the philosophy of history and historiography* (pp. 1-6). United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Thucydides. (1954). *History of the Peloponnesian War* (R. Warner, Trans.). Hammondsworth, Middlesex: Penguin Books.
- al-Zahrani, Muhammad Mathar. (2012). *Ensiklopedia kitab-kitab rujukan hadits* (Muhammad Rum, Trans.). Jakarta: Darul Haq.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (2008). *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran kuno atau moden?*. Melaka: IKSEP.